

Sari 26 (2008) 273 - 282

Ulasan Buku/Book Review

**Adat Politik & Politik Adat:
Memerhati daripada Jendela Rais Yatim**

SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN

Rais Yatim, *Jelebak-Jelebu, Corat-Coret Anak Kampung*. Kuala Lumpur: DTP Enterprise, 2004. vii+ 678 muka surat. Nota, bibliografi, lampiran, indeks, foto (440 keping), peta. ISBN 983-9221-04-3 (kulit keras)

USAHA ATMA SEIMBAS LALU

Untuk selama 20 tahun, bermula pada 1985, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM, telah mengundang ahli politik, wartawan, ahli persembahan pentas, pembikin filem, ahli seni, sastrawan, ahli akademik dan tokoh sejarah serta pendidikan sebagai Karyawan Tamu. Setiapnya ditempatkan di ATMA selama dua tahun atau lebih, untuk menulis apa yang mereka mampu, sama ada autobiografi, memoir atau biografi. Usaha ini telah membuahkan hasil yang cukup ranum. Hasilnya sudahpun dipetik dan kini tersedia untuk santapan semua dalam bentuk *Siri Memoir dan Biografi*, dengan kerjasama intim ATMA dan Penerbit UKM, yang ketika itu diketuai Hasrom Haron yang cukup berdedikasi dan bertenaga lagi kreatif. Hampir 30 judul dalam *Siri Memoir dan Biografi* telah diterbitkan sebagai buku. Lihat senarainya dalam Lampiran 1.

Siri ini telah mendapat sambutan yang cukup menggalakkan daripada pembaca umum. Beberapa judulnya telah diulang cetak untuk memenuhi permintaan lanjut daripada audien, yang terdiri daripada ahli akademik, penyelidik, pelajar dan juga orang ramai, yang datang daripada dalam dan luar negeri. Ertinya, bukan sahaja wujud sekelompok tokoh yang serius yang telah merakamkan pengalaman hidup mereka, tetapi juga telah wujud sekumpulan peminat-pembaca yang dahagakan tulisan seperti ini. Cuma maklumat mengenai Siri ini harus diperluas, untuk membolehkan mereka yang berminat, bolehlah melayari <http://www.ukm.my/ukmportal/index.htm> atau <http://www.penerbit.ukm.my/index.html> untuk mendapat senarai penuh penerbitan Penerbit UKM dan cara memperoleh buku-buku yang diminati secara *on-line*.



AUTOBIOGRAFI, MEMOIR DAN BIOGRAFI

Pengalaman kita di ATMA dalam membantu Karyawan Tamu kami menghasilkan karya masing-masing melibatkan berbagai-bagai usaha dan inisiatif. Antaranya, kami amat menggalakkan penulis berwacana secara terbuka mengenai apa yang mereka ingin hasilkan. Ini dilakukan melalui seminar atau wacana peribadi antara penulis dan beberapa sarjana di ATMA. Melalui proses yang memakan masa agak lama ini, mirip “bunting gajah”, kami berkesempatan menyampaikan apa yang kami fahami mengenai apa yang dimaksudkan sebagai autobiografi, memoir dan biografi. Perbincangan dua hala ini amat bermanfaat untuk kami. Reaksi daripada penulis turut membantu kami dalam memperjelas dan memperhalus apa yang kami harapkan daripada mereka. Kami juga mengaku bahawa kami tidak memperoleh kejayaan seratus peratus dalam usaha kami ini. Ada seorang dua penulis gagal menyelesaikan projek mereka. Ini perkara biasa. Namun, sebarang kegagalan kami terima sebagai pengajaran.

Autobiografi, secara mudahnya, kami tafsirkan sebagai “cerita mengenai kehidupan si penulis yang ditulis penulis sendiri.” Kalau diperdalamkan, autobiografi mengungkapkan kehidupan orang, khususnya si penulis, melalui pengalaman peribadi yang dilaluinya, iaitu, emosi dan perasaan, kejayaan dan kegagalan, sedih dan duka, dan juga menyimpan impian. Melalui usaha menulis seperti ini serta hasilnya diharap audien dapat memahami dengan lebih mendalam bagaimana penulis menangani cabaran pahit manis dan liku-liku hidup yang menggodak hidup mereka, di samping mengenalpasti mercu tanda penting dalam hidup mereka.

Penulis bebas untuk memilih sekian banyak teknik dan stail penyampaiannya, misalnya, menggunakan foto, peta dan juga lukisan atau maklumat tambahan disertakan sebagai lampiran. Melalui semua ini dapatlah kita lebih memahami penulis dan juga orang lain yang berinteraksi dengan beliau dan mempengaruhi hidupnya, serta peristiwa penting yang mewarnakan pengalaman itu. Ada juga unsur-unsur pengajaran dan mesej yang tersirat yang ingin disampaikan penulis, mungkin sebagai pengajaran atau untuk dipergunakan sebagai terapi psikologis oleh pembaca.

Memoir berbeza sedikit dengan autobiografi. Kalau autobiografi adalah pemaparan “*life and times*” si penulis, memoir jauh lebih ringkas bentuknya dan sempit sedikit fokusnya. Lazimnya memoir hanya memfokus terhadap episod yang dianggap penting dalam kehidupan penulis, seperti peristiwa yang menjadi *turning points* dalam liku-liku hidupnya, dari segi moral, politik, intelek atau selainnya. Akhir-akhir ini, terdapat bukan sahaja memoir yang ditulis oleh si penulis mengenai dirinya, bahkan memoir yang ditulis bersama oleh penulis dengan penulis lain.

Dalam konteks ini, biografi adalah lebih jelas fokusnya, iaitu, mengenai pengalaman hidup seorang tokoh yang dijadikan projek penulisan penulis lain, mungkin anak, saudara mara dekat, atau kawan rapat si tokoh yang menyimpan



pelbagai rekod mengenai tokoh berkenaan, sama ada si tokoh itu telah hidup atau sudah meninggal dunia. Penulis biografi memerlukan penyelidikan yang agak mendalam mengenai tokoh yang ditulis.

Melalui kefahaman yang kami peroleh daripada wacana dengan Karyawan Tamu ATMA dan juga setelah membaca setiap manuskrip yang mereka hasilkan, kami dapat menentukan, dengan persetujuan penulis, dalam kategori apa hasil itu diklasifikasikan: autobiografi, memoir atau biografi, yang kesemuanya berbentuk bukan fiksi.

Bersandarkan kefahaman inilah buku *Jelebak-Jelebu*, tulisan YB Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, akan dikupas.

JELEBAK-JELEBU SEBAGAI SEBUAH AUTOBIOGRAFI

Pada keseluruhannya *Jelebak-Jelebu* adalah sebuah autobiografi kerana buku ini adalah mengenai “*the life and times*” Rais Yatim setakat ini (1942-2004) yang telah ditulis Rais Yatim sendiri.¹ Pasti selepas ini dijangkakan ada sekuelnya (Rais Yatim, 2004 - ?). Kalau buku ini dianggap sebagai RAIS YATIM 1, tentu RAIS YATIM 2 akan menyusul kerana kita tahu beliau adalah penulis yang cukup prolifik.² Kalau beliau tidak menulisnya, akan ada nanti penulis lain menghasilkan RAIS YATIM 2 sebagai sebuah biografi.

Sebagai penulis buku, artikel akademik dan kolumnis *Dewan Masyarakat* dan *Dewan Budaya*, dan menyedari betapa sibuknya seorang Menteri Kabinet, tidaklah keterlaluan, jika saya merasa kagum juga dengan pencapaiannya. Kalau kita teliti dengan lebih rapi kandungan dan konsistensi stail penulisannya, jelas bahawa beliau tidak memerlukan *ghost writer* untuk menghasilkan bukunya. Fakta ini adalah suatu yang tidak disebutkan dalam cerita hidupnya dalam *Jelebak-Jelebu*, cuma disenaraikannya.³ Mungkin rasa rendah dirinya inilah yang menjadi pemacu dan pemangkin kepada semua usaha penulisannya setakat ini.

Berbanding dengan bukunya yang lain, khususnya, *Freedom Under Executive Power in Malaysia: A Study in Executive Supremacy* (Kuala Lumpur: Endowment, 1999),⁴ sebuah buku akademik yang telah dijadikan teks rujukan dalam beberapa kursus mengenai “politik Malaysia,” “politik Asia Tenggara” atau “politik Asia” di Australia, UK, Perancis dan USA, *Jelebak-Jelebu* yang ditulis dalam bahasa Melayu, ternyata adalah untuk konsumsi audien Malaysia. Oleh kerana itulah agaknya buku ini tidak mendapat perhatian yang sepatutnya daripada pengkaji dan peminat politik Malaysia atau politik Melayu. Lagi pun, seimbang pandang, bentuknya mirip sebuah *coffee-table book* kerana mengandungi banyak foto: 440 keping kesemuanya.

Jika kita teliti dengan lebih mendalam paduan teks dan foto-foto berkenaan, ternyata himpunan foto ini bukan sekadar hiasan atau ilustrasi,⁵ seperti pandangan umum atau stereotaip pembaca di Malaysia, terhadap buku bersifat



coffee-table book. Setiap foto dalam buku ini menerangkan dengan lebih lanjut, melalui imej, akan huraian naratif yang ditulis sekitar sesebuah foto. Dalam kata lain, ada ketikanya foto yang dipaparkan lebih berjaya menyampaikan, biarpun dengan seimbans pandang, cerita yang ingin disampaikan dan ternyata lebih berkesan daripada naratif yang telah ditulis untuk merakamkan perkara yang sama.

Ini adalah salah satu kekuatan *Jelebak-Jelebu* yang tidak dapat ditangkal ramai pengkaji politik Malaysia dan Melayu, kerana buku ini agaknya jarang sekali dijadikan rujukan ilmiah. Sedangkan kandungannya mengandungi 'bahan mentah' yang *substantive* daripada seorang *participant observer* yang cukup intim dan berpengetahuan mendalam mengenai selok-belok politik Malaysia dan politik Melayu, maka ianya cukup sesuai untuk dijadikan rujukan penulisan atau kuliah ilmiah. Sayangnya ini belum lagi terjadi.

Dari segi kandungan, buku ini menyampaikan tiga wajah Rais Yatim, iaitu, wajah peribadi, wajah politik dan wajah interaksi politiknya dan Adat Perpatih Negeri Sembilan. Kebanyakan pemerhati lebih tahu tentang wajah politiknya dan tahu sedikit sekali mengenai wajah peribadi dan wajah interaksi politiknya dengan Adat Perpatih. Ramai yang lebih berminat tentang naik-turun nasib politiknya, sama ada mereka dalam *UMNO* atau di luar *UMNO*. Perjalanan kerjaya politiknya, daripada seorang Menteri Kabinet kepada seorang ahli pengasas sebuah parti pembangkang, iaitu, *Parti Semangat 46*, dan kemudian kembali ke pangkuan *UMNO* dan dilantik semula sebagai seorang Menteri Kabinet, dan telah bertugas di bawah kelima-lima Perdana Menteri Malaysia, tetap akan menjadi salah satu episod yang cukup menarik dalam sejarah politik Malaysia.

Justru itu, pengalaman politik Rais Yatim seolah-olah membuktikan hipotesis saya bahawa di Malaysia label "parti pembangkang" (*opposition political party*) itu tidak betapa penting, yang lebih penting diperhatikan dan dianalisis dengan lebih serius dalam konteks politik di Malaysia adalah konsep dan fenomena 'kepembangkangan' (*oppositionism*), suatu fenomena yang mendasari aktivisme politik di Malaysia dari zaman sebelum penjajahan, membawa ke zaman penjajahan dan terus wujud sehingga selepas Merdeka, malah hingga sekarang. Kalau tidak, bagaimana hendak kita huraikan betapa kerapnya masuk-keluar dan masuknya kembali sekian bilangan pemimpin serta parti politik di Malaysia dari Parti Perikatan dan kemudian *Barisan Nasional*. *PAS* muncul dalam *UMNO*, keluar bersendirian dan kemudian masuk *Barisan Nasional* dan keluar kembali, bekerjasama pula selepas itu dengan *Parti Semangat 46* dan kemudian dengan Parti Keadilan, yang kedua-duanya diasaskan oleh majoriti bekas ahli *UMNO*.

Marilah kita sama-sama meninjau secara ringkas ketiga-tiga wajah Rais Yatim yang disebutkan, seperti yang telah diungkapkannya dalam *Jelebak-Jelebu*.



(I) WAJAH PRIBADI: Mencari akar dan membina tapak

Untuk tujuh bab pertama buku ini (hlm. 7-207), Rais Yatim telah menyingkap sejarah peribadinya, keluarganya, asal usulnya serta kerjaya awalnya, sebagai guru. Beliau juga menceritakan bagaimana beliau dibesarkan dan disosialisasikan untuk menghayati identiti “keMinangkabauan” dan “keNoghorian” yang mengamalkan Adat Perpatih.⁶ Cerita pribadi beliau telah berjaya disulam-halus oleh beliau dalam sejarah Jelebu itu sendiri, daripada Jelebu tradisional ke Jelebu moden pada abad ke-21. Watak ayah-ibu, abang-adik, kawan sepermainan dan sepermandian, turut tergarap dalam cerita peribadinya ini.

Hobi beliau mengambil foto sambil mengembara berbasikal ke seluruh Negeri Sembilan, termasuk singgah dan bergambar di stesyen kereta api Bahau (hlm. 176), memberi latar belakang kepada kita betapa lamanya sudah dan mendalamnya minat beliau terhadap fotografi sampailah ke hari ini. Sebahagian besar foto dalam buku ini adalah daripada koleksi foto beliau.

Dalam bab 7 (hlm. 173-207), beliau telah menceritakan perkembangan kerjayanya sebagai guru sehingga menjadi guru Bahasa Melayu untuk pelatih Peace Corps USA di De Kalb dan kemudian di Hawaii. Ketika itulah beliau terlibat dalam penulisan modul pengajaran Bahasa Melayu di University California, Los Angeles (UCLA). Pastinya, bak kata pepatah “jauh berjalan, luas pengalaman.” Adunan pengalaman dalam dan luar negeri ini tentunya telah mendewasakan Rais Yatim sebagai watak yang bukan sahaja “*intellectually-informed*”, tetapi juga “*streetwise*.” Bekalan ini amat penting bagi beliau selanjutnya membuat loncatan imaginatif dan praktikal ke dunia politik.

(II) WAJAH POLITIK: BANGUN, TERUS MAJU, BERKELANA DAN REINKARNASI

Terdapat lima tahap yang telah dilalui Rais Yatim sebagai ahli politik:

- tahap membangun bila mula-mula menjadi Ahli Parlimen dan dilantik sebagai Setiausaha Parlimen (1974-76), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, kemudian Timbalan Menteri Undang-Undang (1976-1977) dan seterusnya Timbalan Menteri Dalam Negeri (1977-78)
- tahap politik adat bila menjadi Menteri Besar, Negeri Sembilan (1978-1982)
- tahap terus maju bila menjadi Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (1982-84), Menteri Penerangan (1984-86), Menteri Luar (1986-87),
- tahap berkelana setelah meletakkan jawatan Menteri dan ahli *UMNO* dan menjadi salah seorang pengasas dan pemimpin Parti Semangat 46

- tahap reinkarnasi bila masuk *UMNO* kembali dan kemudian menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri (1999-2002) dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa, 2002 sehingga Mac 2008)

Dapat dirumuskan bahawa melalui naratif dan analisis dalam bab-bab yang meliputi kesemua tahap ini kita telah didedahkan untuk kali pertama dengan satu pengkisahan yang cukup terperinci mengenai perkembangan, pergolakan dan konsensus dalam *UMNO* dan *BN* secara keseluruhan daipada seorang ahli politik yang terlibat langsung dalam historiografi pemimpin elit di Malaysia. Ada drama, kisah persahabatan yang mendalam, kisah permusuhan yang membawa kepada pembunuhan, kesetiakawanan antara kaum, berpuak-puak dalam parti, tolak-ansur antara puak-puak, rusuhan Mei 13, konfrontasi dengan Indonesia, penubuhan Malaysia dan sebagainya. Selalunya, episod-episod ini hanya dilaporkan dengan *superficial* dalam akbar tempatan. Dari buku ini kita peroleh maklumat daripada “*the horse’s mouth*” sendiri.

Sebagai ahli antropologi, pada pandangan saya, keseluruhan cerita dalam *Jelebak-Jelebu* mengingatkan saya kepada sebuah buku lain yang berjudul *Patagonia: Notes from the Field* (1999)⁷ yang menghuraikan segala aspek dalam kehidupan masyarakat di sebuah daerah di Selatan Chile, yang cantik berbukit bukau, tetapi di sebaliknya bergolak seperti gunung api yang menggeleagak bak air dalam cerek yang sudah masak. Begitu jugalah *Jelebak-Jelebu* yang mengkisahkan Jelebu, Negeri Sembilan dan Malaysia melalui pengungkapan Rais Yatim, yang sangat sensitif perasaannya dan hemat lagi berdisiplin kerapian merangkai dan menyampaikan ratusan episod politik yang selama ini kita cuma dengar, tetapi tidak tahu dengan mendalam.

Episod politik yang ramai tidak diketahui cerita sepenuhnya di seluruh Malaysia, kecuali kisah semasa perbicaraan ialah pembunuhan seorang ahli politik *UMNO* berjawatan tinggi, Speaker Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan, Dato’ Taha Talib oleh Dato’ Mohktar Hashim, seorang Menteri Kabinet keduanya dari daerah yang sama, Tampin. Kejadian itu berlaku pada 14 April 1982, lapan hari sebelum Pilihanraya Umum 1984 berlangsung. Ketika itu, Rais Yatim masih menjadi Menteri Besar, Negeri Sembilan dan Tun Mahathir tidak sampai setahun menjadi Perdana Menteri dan Presiden *UMNO*.

(III) WAJAH HUBUNGAN POLITIK ADAT PERPATIH DENGAN POLITIK KEPARTIAN: BAK AUR DENGAN TEBING

Kalau diteliti bab 13 ke bab 16, dengan sendirinya kita akan mendapat gambaran suatu aspek politik Melayu yang tidak pernah dibicarakan dan dikupas sebarang ahli sains politik di dalam dan luar Malaysia, iaitu bagaimana Adat Perpatih di Negeri Sembilan menjadi angkuabah tetap dalam politik Melayu di Negeri



Sembilan. Inilah sumbangan asli buku *Jelebak-Jelebu* yang meletakkan buku ini sebagai sebuah penulisan politik Melayu yang lebih lengkap berbanding dengan kesemua penulisan yang sedia ada.

Tentunya ramai pemerhati politik dari luar Negeri Sembilan dan luar Malaysia akan lebih memahami kerumitan percaturan politik Adat Perpatih dan juga adat berpolitik di negeri tersebut. Krisis perlantikan Undang Jelebu pada 1980 menjadi fokus Rais Yatim dalam buku ini kerana ketika itu beliau adalah Menteri Besar, Negeri Sembilan. Beliau mengupas krisis tersebut, sebagai seorang peguam, dari segi undang-undang. Beliau juga mengupas keberkaitan politik *UMNO* dalam krisis tersebut, sebagai seorang ahli politik dan pentadbir tinggi di Negeri Sembilan. Tinta-tinta hitam dan separuh hitam dalam politik Melayu di Negeri Sembilan masih belum dikupas dengan mendalam, termasuk tersingkirnya bekas Menteri Besar, wakil parlimen dan Menteri Kabinet, iaitu Tan Sri Isa Samad, ahli parlimen kawasan Jempol (kawasan saya terdaftar sebagai pengundi).

Justru itu, beliau telah mengupas dengan berkesan tentang interaksi antara institusi Adat Perpatih, institusi politik kepartian dan institusi pentadbiran kerajaan negeri, dengan masing-masing mempunyai ruang politiknya yang saling berkait, seperti *aur dengan tebing*, dan mengesankan perjalanan antara satu sama lain.

RUMUSAN

Dalam waktu yang terluang dan ruang yang diberikan ini, kupasan saya terhadap *Jelebak-Jelebu* amatlah terbatas. Tetapi, mengingatkan saya tradisi kajian dan analisis dalam antropologi politik pada tahun 1960an dan 1970an di Afrika dan India, khususnya, buku berjudul *Stratagem and Spoils: A Social Anthropology of Politics* (Blackwell, 1980, kulit nipis) tulisan Frederik G. Bailey, berasaskan kajiannya di India Utara. Buku Bailey ini mirip di beberapa bahagian dengan *Jelebak-Jelebu* dari segi tenor dan stail. Perebutan kuasa, lahap materialisme, gila pangkat dan juga tamak habuan telah menjana pelbagai bentuk strategi dari peringkat akar umbi hinggalah ke peringkat pimpinan teratas. Kisah politik wang dalam *UMNO* dan pelbagai lagi masalah berkaitan dengan Kontraktor Kelas F dan sebagainya juga menghantui *UMNO* dan politik Melayu umumnya. Ini telah saya kaji dan analisis dalam tulisan saya *From British to Bumiputera Rule* (1986).⁸

Ketandusan kupasan tentang politik lokal di Malaysia menuntut kajian-kajian baru oleh ahli sains sosial Malaysia, terutamanya ahli antropologi. *Jelebak-Jelebu* telah mengisi sebahagian daripada tuntutan ini. Kita memerlukan banyak lagi kupasan dan kajian seperti ini untuk mengelakkan kebergantungan kita kepada surat khabar harian dan mingguan yang ada sekarang. Agaknya itulah sebabnya tulisan buku politik seperti karya Syed Hussin Alattas, Yahaya



Ismail atau Sayuti Omar menjadi rebutan bila diterbit dan dipasarkan. Lama mana kita hendak bergantung kepada kisah-kisah skandal politik Melayu sahaja sebagai sumber ilmu pengetahuan dan maklumat untuk memahami proses perjalanan politik Melayu?

Oleh kerana itulah kita sama-sama menunggu RAIS YATIM 2 yang semestinya lebih hebat dari RAIS YATIM 1 atau *Jelebak-Jelebu!*⁹

Sebagai penutup, saya tidak melupakan kupasan Rais Yatim tentang peranan isterinya, Datin Seri Masnah Muhamat, dalam gelombang-gelora, puncak kejayaan karier politiknya kerana beliau senantiasa menjadi tonggak yang mendukung dan menstabilkan keluarganya ketika segala-segalanya terjadi. Kasih sayangnya terhadap Mas (nama timangan Datin Seri Masnah) tergambar jelas dalam puluhan foto Rais Yatim dengan isterinya. Adakah ini membuktikan klise bahawa “behind the success of a man, there is always a woman?” Mungkin ada yang ingin menghujahkan kebalikannya pula! Wallahwualam!

LAMPIRAN

SIRI MEMOIR & BIOGRAFI: TERBITAN PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

- Abdul Halim Nasir (N. A. Halim). 1998. *Memoir Abdul Halim Nasir: Dari Kampung Sekolah ke Menara Gading*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Majid Salleh. 2004. *Memoir Abdul Majid Salleh*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Samad Ismail. 1993. *Memoir Samad Ismail di Singapura*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Boestamam. 2004. *Memoir Ahmad Boestamam: Merdeka dengan Darah dalam Api*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arenawati. 1991. *Memoir Arena Wati: Enda Gulingku*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asri Hj. Muda. 1993. *Memoir Politik Asri*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fusayama, Takao. 1996. *Memoir of Takao Fusayama: A Japanese Soldier in Malaya and Sumatera*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ghazali Shafie. 1998. *Ghazali Shafie's Memoir on the Formation of Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamzah Hussin. 1996 & 2004. *Memoir Hamzah Hussin Dari Keris Film ke Studio Merdeka*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haron Johari. 2002. *Memoir Penghulu Dato' Zainal Abidin Lati*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hickling R. H. 2000. *Memoir of a Wayward Lawyer*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ibrahim Cik. 2004. *Memoir Ibrahim Chik: Dari API ke Rejimen ke-10*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak Haji Muhammad (Pak Sako). 1996. *Memoir Pak Sako: Putera Gunung Tahan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kalam Hamidi. 2001. *Memoir Kalam Hamidi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kalam Hamidi. 2003. *Fatamorgana: Kembara dari Nusantara ke Eropah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khatijah Sidek. 1995 & 2001. *Memoir Khatijah Sidek: Puteri Kesateria Bangsa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shaharom Husain. 1996. *Memoir Shaharom Husain: Selingkar Kenanagan Abadi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsiah Fakeh. 2004. *Memoir Shamsiah Fakeh: Dari AWAS ke Rejimen ke-10*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yang Quee Yee. 2005. *Memoir Yang Quee Yee: Penyusun Kamus Anak Penoreh*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusof Hashim. 2005. *Memoir of Yusof Hashim: From the Pacific to the Atlantic*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zain Majid. 2002. *Memoir Zain Majid*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zurinah Hassan. 2003. *Memoir Zurinah Hassan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

NOTA KAKI

1. Ini berbeda dengan klasifikasi Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan yang menklasifikasi Jelebak-Jelebu sebagai sebuah biografi, sila lihat Rais Yatim, *Jelebak-Jelebu: Corat-Coret Anak Kampung*, Kuala Lumpur: DTP Enterprise, 2004, hlm. vi.
2. Setakat ini beliau telah menghasilkan tujuh buah buku, iaitu, *Polar-Polar Antropologi* 1973 [terjemahan], *Hierarchy of Adat Perpatih* 1974, *Faces in the Corridors of Power* 1987, *Freedom under Executive Power in Malaysia: A Study of Executive Supremacy* 1995 [asalnya sebuah tesis PhD, University of London], *Jelebak-Jelebu* 2004, dan *Cabinet Governing in Malaysia* 2006. Pada hemat saya tulisan-tulisan ini, dan beberapa artikel ilmiah lain beliau, meletakkan prestasi beliau setara dengan prestasi sebahagian besar para profesor sains sosial dan kemanusiaan di IPTA Malaysia. Saya masih lagi menjalankan kajian mengenai Menteri Kabinet lain, semenjak 1957 dan itu pun kalau ada, yang mampu menandingi pencapaian ini.
3. Sila lihat Rais Yatim, *Jelebak-Jelebu*, 2004, hlm. vii.
4. Inilah tajuk sebenar buku ini seperti edisi yang diterbitkan oleh Penerbit Endowment pada tahun 1999. Sedangkan tajuk buku ini yang disenaraikan oleh Rais Yatim dalam *Jelebak-Jelebu* (2004, hlm. vii) dan *Cabinet Governing in Malaysia* (2006, hlm. vii) adalah berbeda-beda, mungkin berdasarkan tajuk tesis yang selesai pada 1994. Mungkin disebabkan kesibukan tugas beliau maka perbezaan ini telah berlaku dengan tidak disengajakan.

5. Untuk perbincangan yang lebih serius mengenai hal ini dalam konteks Malaysia, sila lihat, Zanita Anuar, "Ilmu Visual dan Tafsiran Alam Melayu," kertas untuk persidangan mengenai "Pendidikan Seni Budaya dan Warisan di Abad 21: Teori dan Praktis," anjuran bersama Akademi Seni Kebangsaan (ASK), KeKKWa dan ATMA, UKM, 3-5 Ogos 2006, Kuala Lumpur.
6. Kalau dibaca bahagian awal *Jelebak-Jelebu* (2005) sambil juga membaca *Ensiklopedi Minangkabau* (2005) yang telah diterbitkan oleh Pusat Pengkajian Islam dan Minangkabau (PPIM), Padang, tentunya 'keMingkabauan' Rais Yatim akan lebih jelas.
7. Sila lihat, Nora Gallagher (ed), *Patagonia: Notes from the Field*, San Francisco: Chronicle Books, 1999.
8. Sila lihat Shamsul A.B., *From British to Bumiputera Rule: Local Politics and Rural Development in Peninsular Malaysia*, Singapore: ISEAS, 1986 (ulang citak 1990 dan 2004).
9. Mungkin kita terpaksa menunggu siapnya tesis Sarjana YB Hj. Zainudin Ismail, Ahli Parlimen Kawasan Jelebu sekarang.

RUJUKAN

- Anwar Abdullah. 2005. *Biografi Dato' Onn: Hidup Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jins Shamsuddin. 1998. *Suria Kencana: Biografi Jins Shamsudin*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Zamberi A Malek. 1999. *Harimau Malaya: Biografi Tengku Mahmood Mahyiddeen*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Haji Salleh, Nik Anuar Nik Mahmud & Abd Ghapa Haron. 2005. *Biografi Tun Abdul Razak: Patriot dan Negarawan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rashdan Baba. 2004. *Biografi Rashdan Baba*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozeman Abu Hassan. 2005. *Biografi Aminuddin Baki: Arkitek Pendidikan Negara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shamsul Amri Baharuddin, Ph.D
Pengarah,
Institut Kajian Etnik (KITA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi

Emel: shamsul_ab@yahoo.com